

MAR  
2020

Aspirasi  
Kemilauhan

# PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | [www.pkn.gov.my](http://www.pkn.gov.my)

## MAJLIS PERJANJIAN PELABURAN THAILAND 2020

- PKNP berjaya meterai MOU dengan beberapa syarikat di Thailand



Delegasi Malaysia yang diketuai YAB. Menteri Besar Pahang

Bangkok, Thailand 5 Mac - Majlis Perjanjian Pelaburan Thailand 2020 yang diketuai oleh Y.A.B Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail menyaksikan PKNP telah berjaya memeterai perjanjian Jual Beli serta Memorandum Persefahaman dengan sebuah syarikat Thailand, AE Carbon Capital Sdn. Bhd. bagi membangunkan projek 'Industrial Eco Park' di dua (2) buah daerah iaitu di Bentong (Kawasan Perindustrian Bentong 2A) seluas 28.2 ekar serta di Daerah Bera iaitu seluas 50 ekar.

Dengan temeterainya MOU dengan syarikat pelabur tersebut, PKNP menjangkakan kemasukan nilai pelaburan dianggarkan berjumlah RM700 juta ke negeri Pahang.

Majlis Perjanjian Pelaburan Thailand 2020 telah berlangsung pada 5 hingga 7 Mac 2020 di Bangkok, Thailand. Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar turut serta dalam Majlis Perjanjian Pelaburan Thailand 2020 serta Pengurus Perindustrian PKNP, Tuan Haji Md. Daud bin Abdul Rahman.

## KERAJAAN PUSAT UMUM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

- semua anggota pekerja PKNP diarah bekerja dari rumah

Kuantan, 17 Mac - YAB Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin bin Yassin telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa pada 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 di seluruh negara.

Berikutan daripada ini, Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar menyatakan merujuk kepada Perkara (6) pihak kerajaan telah mengarahkan penutupan semua premis kerajaan dan swasta kecuali yang terlibat dengan perkhidmatan penting negara.

Bagi mematuhi arahan ini, semua anggota pekerja PKNP diarahkan untuk bekerja dari rumah berkuatkuasa pada 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020. Bagi pegawai yang diarah untuk bekerja dari rumah perlu mematuhi perkara berikut:-

- ◆ Sentiasa berada di rumah dalam tempoh waktu pejabat / bekerja yang ditetapkan oleh kerajaan
- ◆ Sentiasa bersedia sekiranya diarahkan oleh ketua jabatan untuk hadir ke pejabat atau mana-mana lokasi lain
- ◆ Memastikan sentiasa boleh dihubungi dalam tempoh waktu bekerja

Namun begitu orang ramai yang ingin berurusan dengan pihak PKNP terutamanya yang melibatkan pembayaran, pertanyaan serta sebarang aduan adalah digalakkan untuk menggunakan perkhidmatan atas talian (*online services*) melalui Portal PKNP dan media sosial PKNP (Facebook, Instagram & Twitter). PKNP akan mula beroperasi semula pada 1 April 2020 atau ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

Beliau berharap semua anggota pekerja PKNP mengambil cakna akan persekitaran dan sentiasa mengikut arahan daripada pihak yang berwajib bagi mencegah jangkitan Covid-19 serta mendoakan agar semua anggota pekerja PKNP dalam keadaan sihat dan sejahtera.



## "JAGA ADAB DAN DISIPLIN" - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP

Kuantan, 9 Mac - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar menyeru para peserta yang mewakili Kontinjen PKNP supaya sentiasa menjaga adab dan disiplin serta mempamerkan imej PKNP di sepanjang Sukan Gemaputera XVI Selangor 2020.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap merasmikan Kursus Keajaiban Diri anjuran PKNP yang telah berlangsung pada 9 Mac 2020 (Isnin) di Kompleks Dagangan Mahkota, Kuantan.

"Bertandinglah secara sihat walaupun sasaran kita hendak menang kerana kita semua membawa imej PKNP dan negeri Pahang", tegas beliau.

Menurut beliau lagi bagi menaikkan semangat ahli-ahli kontinjen, PKNP bersetuju untuk memberikan ganjaran kepada pasukan-pasukan berjaya menjadi johan dan kejayaan yang cemerlang.

"Kadar dan bentuk ganjaran akan ditentukan oleh Pengurusan PKNP kelak", tambah beliau

Kursus ini disertai oleh seramai 88 orang peserta yang terdiri daripada anggota pekerja PKNP serta anak syarikat PKNP yang akan menyertai Kejohanan Sukan GEMAPUTERA Selangor 2020. Kursus ini dikendalikan oleh pihak SAC Consultancy Sdn. Bhd .

Objektif kursus adalah untuk mempersiapkan para peserta bagi menghadapi Kejohanan Sukan Gemaputera Selangor 2020 di samping dapat membina semangat kerjasama berpasukan serta pengurusan emosi.

Turut hadir adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun selaku Ketua Kontinjen dan Setiausaha Perbadanan PKNP, YBhg. Datin Noraskin Jamaludin.



Bertanding secara sihat walaupun sasaran kita hendak menang



Para peserta sukan GEMAPUTERA



## SUKAN GEMAPUTERA XVI SELANGOR 2020 DITANGGUHKAN

Kuantan, 13 Mac - Sukan Gemaputera XVI Selangor 2020 yang dijadualkan akan berlangsung pada 23 Mac hingga 29 Mac 2020 telah ditangguhkan berikutan ancaman jangkitan Virus Covid-19.

Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar telah membuat pengumuman rasmi mengenai perkara ini seperti berikut:

Merujuk kepada kenyataan Pesuruhjaya Sukan Malaysia dan surat rasmi dari Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) sebagai penganjur Kejohanan Sukan Gemaputera 2020.

- ◆ Saya ingin memaklumkan bahawa PKNP mengambil maklum akan pengumuman ini dan telah mengambil tindakan sewajarnya bagi mencegah kemungkinan jangkitan Covid-19.
- ◆ Susulan penangguhan ini, PKNP tidak akan menyertai Kejohanan Sukan Gemaputera 2020 sehingga tarikh baru kejohanan diumumkan kelak.
- ◆ Sesi latihan persediaan bagi anggota pekerja PKNP dan anak-anak syarikat PKNP terlibat ditangguhkan kepada satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

Anggota pekerja PKNP dan anak-anak syarikat dinasihatkan untuk sentiasa peka serta mematuhi peraturan/nasihat pihak berwajib bagi mencegah jangkitan Virus Covid-19.



## PKNP BERI SOKONGAN PADU KEPADA INISIATIF KERAJAAN PAHANG

Kuantan, 20 Mac - PKNP memberi sokongan padu ke atas Inisiatif Kerajaan Negeri Pahang yang diumumkan oleh Y.A.B. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail baru-baru ini.

Antara inisiatif yang telah dipersetujui adalah dengan memberi penangguhan bayaran sewa premis perniagaan milik PKNP selama tiga bulan bermula April hingga Jun 2020.

Inisiatif Kerajaan Negeri Pahang ini diperkenalkan sebagai langkah untuk mengurangkan beban tanggungan kepada golongan yang mungkin hilang punca pendapatan berikutan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kepada seluruh rakyat Negara ini yang diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia pada 16 Mac 2020 yang lalu sebagai usaha kerajaan untuk mengelakkan penularan wabak coronavirus (covid19).



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP menyerahkan cek sumbangan kepada YAB. Menteri Besar Pahang

## PKNP ANJUR POCKET TALK TUBE 7.0



Para peserta bergambar kenangan

Kuantan, 13 Mac - PKNP melalui Bahagian Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan telah menganjurkan Sesi Taklimat Pocket Talk TUBE 7.0 yang telah diadakan di EDC, Tingkat 3, Kompleks Teruntum baru-baru ini.

Program ini dianjurkan dengan kerjasama SME Corp, PERTUNAS (Persatuan Tubes Nasional), dan PATUH (Persatuan Tubes Pahang) bertujuan untuk memberi pendedahan berkaitan Tabung Usahawan Belia (TUBE 7.0) yang disediakan serta peluang-peluang pembiayaan perniagaan sehingga RM 15,000.00 secara geran kepada belia untuk memulakan perniagaan.

Melalui program ini, PKNP berpeluang untuk mendekati golongan belia dan Orang Kelainan Upaya (OKU) agar mereka dapat menjadikan usahawan sebagai kerjaya pilihan.

Para peserta juga berpeluang untuk berkongsi pengalaman dan kejayaan salah seorang usahawan yang telah berjaya melalui program TUBE ini iaitu Cik Nurliana Muhammad atau Sis Lia yang telah menceritakan pengalaman suka duka serta berkongsi tip bagaimana untuk menjadi usahawan yang berjaya.



Sesi perkongsian pengalaman oleh usahawan berjaya

## PKNP ANJUR MAJLIS TAHLIL & BACAAN YAASIN DI KEDIAMAN RASMI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PKNP



Antara yang hadir

Kuantan, 12 Mac - PKNP baru-baru ini telah menganjurkan Majlis Tahليل dan Bacaan Yaasin di Kediaman Rasmi Ketua Pegawai Eksekutif PKNP.

Majlis diadakan untuk memanjatkan kesyukuran dan mendoakan agar PKNP terus cemerlang dalam apa jua bidang yang sedang dan akan dilaksanakan pada masa akan datang serta memohon perlindungan dan keselamatan semua anggota pekerja PKNP dan ahli keluarga daripada ancaman wabak Covid-19 yang sedang melanda seluruh dunia pada hari ini.

Majlis ini telah dihadiri seramai 140 orang anggota pekerja kumpulan PKNP termasuk Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Setiausaha Perbadanan serta Pengurusan PKNP. Turut hadir YB Setiausaha Kerajaan Pahang, Dato' Sri Dr Salehuddin bin Ishak.



Anggota pekerja PKNP yang hadir bergambar bersama YB. Setiausaha Kerajaan Pahang



## PASUKAN GOLF PKNP ANJUR PERLAWANAN PERSAHABATAN DENGAN PASUKAN UDA HOLDINGS BERHAD.

Kuantan, 14 Mac - Bagi mempersiapkan persediaan mental dan kemahiran para pemain PKNP dalam acara golf di Kejohanan Sukan Gemaputera XVI Selangor 2020, Pasukan Golf PKNP telah mengadakan perlawanan persahabatan dengan Pasukan Golf UDA Holdings Sdn. Bhd di Mahkota Golf and Country Club (MGCC) baru-baru ini.

Seramai 16 orang pemain ( Lapan orang setiap pasukan) telah menyertai perlawanan persahabatan golf ini yang turut disertai Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar serta Encik Hishamuddin bin Mon, Ketua Pegawai Operasi (Perkhidmatan Korporat) UDA Holdings Sdn. Bhd.

Ahli-ahli Pasukan Golf UDA Holdings Berhad telah diraikan dalam majlis makan tengahari sebelum berlepas pulang. Perlawanan golf persahabatan ini telah berjaya memberi pendedahan kepada pasukan golf PKNP di samping dapat mengeratkan silaturahim dengan pihak UDA.



Ketua Pegawai EKsekutif PKNP menerima cenderamata kenangan dari pihak UDA Holdings Berhad



Kedua-dua pasukan bergambar kenangan sejeurus sebelum pertandingan bermula

### **lensaPKNP** PHOTOGRAPHY



Persiapan pasukan-pasukan PKNP untuk Sukan Gemaputera XVI Selangor 2020

## *Sidang Redaksi*

**Penaung / Penasihat**  
Encik Mohd Faizal bin Jaafar  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

**Penyelaras Penerbitan**  
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

**Ketua Editor**  
Puan Mazilah binti Mansor

**Pengarang**  
Puan Suhaili binti Mohd Kenali  
Puan Faridah binti Mohd Yusoff  
Encik Ahmad Nur Azrul Bin Che Rezali  
Puan Fadila binti Abdul Khalid  
Puan Che Nor Shamsina binti Che Yahya  
Puan Shasiela binti Zulkifli

**Grafik**  
Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamaruzaman  
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasli  
Encik Mohd Firdaus bin Abdul Hamid

**Jurufoto**  
Encik Saiful Azli bin Yahia  
Encik Iskandar bin Abdul Samad